

Intervensi Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Menangani Kelemahan Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputera Di Institusi Pengajian Tinggi¹

Sapora Sipon²
Sekolah Psikologi Dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Senario kemerosotan pencapaian akademik pelajar Bumiputera di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) semakin merungsingkan pelbagai pihak. Banyak faktor telah dikaitkan dengan senario ini. Antara lainnya ialah sikap pelajar sendiri, sikap pensyarah, kelemahan penguasaan bahasa Inggeris, pengaruh rakan-rakan, pemakanan, budaya, genetik serta psikologi. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) merupakan salah satu daripada perkhidmatan yang ditawarkan di setiap institusi pengajian tinggi awam. Keberkesanan bimbingan dan kaunseling dalam menangani pelbagai masalah memang diakui. Manja Mohd Ludin (1990) menyatakan beberapa peranan yang dimainkan oleh perkhidmatan B & K ialah ia dapat membantu para pelajar mengenal diri sendiri dan seterusnya dapat membuat pertimbangan dan penentuan sendiri terhadap masalah peribadi, pelajaran, penyesuaian alam sekeliling dan pemilihan kerja yang tepat kepada minat, kebolehan dan kemampuan sendiri. Kertas kerja ini akan melihat peranan yang dimainkan oleh bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah kelemahan pencapaian akademik pelajar Bumiputera. Intervensi bimbingan dan kaunseling seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan bimbingan kelompok dalam membantu pelajar memperoleh prestasi akademik mereka akan dibincangkan dengan terperinci.

Pengenalan

Isu pencapaian akademik yang rendah dikalangan pelajar Bumiputera bukanlah fenomena baru dalam dunia pendidikan. Isu ini telah banyak dikaji dan dibincangkan oleh pelbagai pihak dari masa ke semasa dan banyak langkah-langkah positif yang telah diambil untuk meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar Bumiputera di peringkat sekolah rendah, menengah dan juga pengajian tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia dan MARA adalah antara dua agensi yang giat menjalankan berbagai-bagai program untuk meningkatkan prestasi pelajar Bumiputera. Bagaimanapun, isu kelemahan pelajar Bumiputera masih lagi penting dikaji dan dibincangkan dan ditingkatkan usaha untuk memperbaikinya memandangkan secara relatifnya, peratus pelajar Bumiputera yang cemerlang dalam bidang pendidikan masih lagi kecil berbanding dengan pelajar Bukan Bumiputera. Contohnya, kajian Mara Merani (1999) menunjukkan pelajar bukan Bumiputera mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi dan ketara. 75% daripada sampel kajian beliau menunjukkan pelajar bukan Bumiputera mempunyai prestasi pencapaian yang cemerlang iaitu 3.00 ke atas. Sebaliknya, hanya 13% pelajar Bumiputera mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 ke atas manakala yang selebihnya masing-

¹Kertas kerja dibentangkan di Konvesyen Prestasi Akademik Bumiputera di IPTA: Peranan Jabatan Hal-Ehwal Pelajar, 9-11 Mei 2001

² Pensyarah di Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Intervensi Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Menangani Kelemahan Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputera Di Institusi Pengajian Tinggi¹

Sapora Sipon²
Sekolah Psikologi Dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Senario kemerosotan pencapaian akademik pelajar Bumiputera di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) semakin merungsingkan pelbagai pihak. Banyak faktor telah dikaitkan dengan senario ini. Antara lainnya ialah sikap pelajar sendiri, sikap pensyarah, kelemahan penguasaan bahasa Inggeris, pengaruh rakan-rakan, pemakanan, budaya, genetik serta psikologi. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) merupakan salah satu daripada perkhidmatan yang ditawarkan di setiap institusi pengajian tinggi awam. Keberkesanan bimbingan dan kaunseling dalam menangani pelbagai masalah memang diakui. Manja Mohd Ludin (1990) menyatakan beberapa peranan yang dimainkan oleh perkhidmatan B &K ialah ia dapat membantu para pelajar mengenal diri sendiri dan seterusnya dapat membuat pertimbangan dan penentuan sendiri terhadap masalah peribadi, pelajaran, penyesuaian alam sekeliling dan pemilihan kerja yang tepat kepada minat, kebolehan dan kemampuan sendiri. Kertas kerja ini akan melihat peranan yang dimainkan oleh bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah kelemahan pencapaian akademik pelajar Bumiputera. Intervensi bimbingan dan kaunseling seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan bimbingan kelompok dalam membantu pelajar memperoleh prestasi akademik mereka akan dibincangkan dengan terperinci.

Pengenalan

Isu pencapaian akademik yang rendah dikalangan pelajar Bumiputera bukanlah fenomena baru dalam dunia pendidikan. Isu ini telah banyak dikaji dan dibincangkan oleh pelbagai pihak dari masa ke semasa dan banyak langkah-langkah positif yang telah diambil untuk meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar Bumiputera di peringkat sekolah rendah, menengah dan juga pengajian tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia dan MARA adalah antara dua agensi yang giat menjalankan berbagai-bagai program untuk meningkatkan prestasi pelajar Bumiputera. Bagaimanapun, isu kelemahan pelajar Bumiputera masih lagi penting dikaji dan dibincangkan dan ditingkatkan usaha untuk memperbaikinya memandangkan secara relatifnya, peratus pelajar Bumiputera yang cemerlang dalam bidang pendidikan masih lagi kecil berbanding dengan pelajar Bukan Bumiputera. Contohnya, kajian Mara Merani (1999) menunjukkan pelajar bukan Bumiputera mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi dan ketara. 75% daripada sampel kajian beliau menunjukkan pelajar bukan Bumiputera mempunyai prestasi pencapaian yang cemerlang iaitu 3.00 ke atas. Sebaliknya, hanya 13% pelajar Bumiputera mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 ke atas manakala yang selebihnya masing-

¹Kertas kerja dibentangkan di Konvesyen Prestasi Akademik Bumiputera di IPTA: Peranan Jabatan Hal-Ehwal Pelajar, 9-11 Mei 2001

² Pensyarah di Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

keseluruhannya sumber sokongan sosial dari ibu, bapa, rakan-rakan dan ahli keluarga tidak mempengaruhi pencapaian akademik seorang pelajar.

Mohd Zain Abdul Kader (1994) menjelaskan beberapa kelemahan pelajar dalam bidang akademik adalah kerana mereka bermotivasi lemah dalam menangani cabaran akademik, kurang melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum, kurang memahami teknik-teknik belajar yang berkesan, kurang memahami konsep menyediakan diri dari sudut kerjaya, kurang cekap dalam perhubungan antara manusia, kurang mahir akan cara-cara mencari pekerjaan yang berkesan dan lemah dalam menyediakan latar diri resume apabila memohon pekerjaan.

Kajian Abdul Hamid Kamarudin (1994) pula menjelaskan permasalahan akademik pelajar adalah penyebab utama pelajar menggunakan perkhidmatan kaunseling berbanding dengan permasalahan bidang yang lain. Dalam kajian lain yang dilakukan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling Universiti Teknologi Mara (1991), faktor yang didapati menyumbang kepada pencapaian akademik yang rendah ialah beban kerja kursus. Kajian tersebut mendapati beban kerja yang dihadapi oleh pelajar ialah menyiapkan projek (32.9%), menghadapi peperiksaan (30.9%), menyediakan esei (13.5%), membuat latihan amali (12.0%) dan lain-lain (10.7%). Lain-lain yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah terdapat masalah yang timbul kerana pelajar tidak berapa berminat terhadap pembelajaran mereka kerana mengikuti kursus yang bukan pilihan pertama (11.2%) dan mengikuti kursus yang dipohon (5.9%).

Kajian tersebut juga menyenaraikan faktor-faktor mengapa pelajar gagal mendapat PNGK di bawah 2.3. Faktor yang diberikan adalah seperti gagal menumpu perhatian kepada pelajaran, (44.8%), gagal menumpu perhatian ketika menduduki peperiksaan (16.2%), tidak faham soalan (6.2%), lain-lain seperti tidak tahu cara belajar, gagal subjek wajib, masalah pengurusan masa. Para pensyarah juga mengatakan pencapaian akademik yang rendah adalah berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut; terlalu banyak mata pelajaran yang diajar tidak sesuai (54.1%), kakitangan akademik kurang kelayakan akademik yang diperlukan untuk mengajar (59.7%), semangat bekerja yang rendah (90.8%) dan pengurusan pengajaran yang tidak berkesan (64.0%).

Faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik lemah pelajar Bumiputera pelbagai. Setiap faktor berperanan dan perlu diberi perhatian dalam mencari pendekatan penyelesaian masalah. Ini kerana, pendekatan penyelesaian yang diambil perlu bersesuaian dengan keadaan persekitaran dengan merujuk kepada punca pencapaian akademik yang rendah.

Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi Awam

Perkhidmatan kaunseling di Institusi pengajian tinggi mula diperkenalkan sejak dekad enampuluhan (1960an) dengan diterajui oleh Universiti Teknologi Mara (dahulu Institut Teknologi Mara). Ini diikuti oleh Universiti Malaysia pada tahun 1969 sehinggalah ia berkembang menjadi suatu perkhidmatan yang ditawarkan oleh semua institusi pengajian tinggi. Universiti Kebangsaan Malaysia pula menubuhkan pusat kaunseling pada tahun 1973 manakala Universiti Malaysia Sabah memulakan Unit Bimbingan dan Kaunseling mulai tahun 1999. Kini, hampir kesemua institusi pengajian tinggi awam di negara ini mempunyai unit kaunselingnya sendiri selaras

keseluruhannya sumber sokongan sosial dari ibu, bapa, rakan-rakan dan ahli keluarga tidak mempengaruhi pencapaian akademik seorang pelajar.

Mohd Zain Abdul Kader (1994) menjelaskan beberapa kelemahan pelajar dalam bidang akademik adalah kerana mereka bermotivasi lemah dalam menangani cabaran akademik, kurang melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum, kurang memahami teknik-teknik belajar yang berkesan, kurang memahami konsep menyediakan diri dari sudut kerjaya, kurang cekap dalam perhubungan antara manusia, kurang mahir akan cara-cara mencari pekerjaan yang berkesan dan lemah dalam menyediakan latar diri resume apabila memohon pekerjaan.

Kajian Abdul Hamid Kamarudin (1994) pula menjelaskan permasalahan akademik pelajar adalah penyebab utama pelajar menggunakan perkhidmatan kaunseling berbanding dengan permasalahan bidang yang lain. Dalam kajian lain yang dilakukan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling Universiti Teknologi Mara (1991), faktor yang didapati menyumbang kepada pencapaian akademik yang rendah ialah beban kerja kursus. Kajian tersebut mendapati beban kerja yang dihadapi oleh pelajar ialah menyiapkan projek (32.9%), menghadapi peperiksaan (30.9%), menyediakan esei (13.5%), membuat latihan amali (12.0%) dan lain-lain (10.7%). Lain-lain yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah terdapat masalah yang timbul kerana pelajar tidak berapa berminat terhadap pembelajaran mereka kerana mengikuti kursus yang bukan pilihan pertama (11.2%) dan mengikuti kursus yang dipohon (5.9%).

Kajian tersebut juga menyenaraikan faktor-faktor mengapa pelajar gagal mendapat PNGK di bawah 2.3. Faktor yang diberikan adalah seperti gagal menumpu perhatian kepada pelajaran, (44.8%), gagal menumpu perhatian ketika menduduki peperiksaan (16.2%), tidak faham soalan (6.2%), lain-lain seperti tidak tahu cara belajar, gagal subjek wajib, masalah pengurusan masa. Para pensyarah juga mengatakan pencapaian akademik yang rendah adalah berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut; terlalu banyak mata pelajaran yang diajar tidak sesuai (54.1%), kakitangan akademik kurang kelayakan akademik yang diperlukan untuk mengajar (59.7%), semangat bekerja yang rendah (90.8%) dan pengurusan pengajaran yang tidak berkesan (64.0%).

Faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik lemah pelajar Bumiputera pelbagai. Setiap faktor berperanan dan perlu diberi perhatian dalam mencari pendekatan penyelesaian masalah. Ini kerana, pendekatan penyelesaian yang diambil perlu bersesuaian dengan keadaan persekitaran dengan merujuk kepada punca pencapaian akademik yang rendah.

Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi Awam

Perkhidmatan kaunseling di Institusi pengajian tinggi mula diperkenalkan sejak dekad enampuluhan (1960an) dengan diterajui oleh Universiti Teknologi Mara (dahulu Institusi Teknologi Mara). Ini diikuti oleh Universiti Malaya pada tahun 1969 sehingga ia berkembang menjadi suatu perkhidmatan yang ditawarkan oleh semua institusi pengajian tinggi. Universiti Kebangsaan Malaysia pula menubuhkan pusat kaunseling pada tahun 1973 manakala Universiti Malaysia Sabah memulakan Unit Bimbingan dan Kaunseling mulai tahun 1999. Kini, hampir kesemua institusi pengajian tinggi awam di negara ini mempunyai unit kaunselingnya sendiri selaras

Penyediaan program kaunseling dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar yang rendah. Program kaunseling yang sistematik boleh dilaksanakan bagi menarik minat para pelajar mendekati kaunselor untuk mendapat pandangan supaya pelajar dapat membuat perubahan dalam proses pembelajaran mereka. Tindakan pelajar berjumpa dengan kaunselor adalah untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapinya dalam proses pembelajaran supaya dapat meningkat prestasi pencapaian dalam akademik. Pelajar yang mempunyai motivasi seperti ini akan dapat mengubah proses pembelajaran sehingga pencapaian akademik pelajar meningkat. Semasa sesi kaunseling, kaunselor bersama-sama klien dapat mengenalpasti punca pencapaian akademik yang rendah dan bersama-sama berbincang cara yang paling berkesan untuk dilaksanakan supaya masalah yang menjadi punca pencapaian akademik pelajar dapat diatasi. Saranan yang telah dipersetujui bersama oleh klien dan kaunselor biasanya memerlukan perubahan tindakbalas yang perlu dilakukan oleh klien sendiri. Definisi kaunseling sendiri ada menyebutkan bahawa kaunseling merupakan perubahan tingkah laku klien. Oleh yang demikian, kerjasama kedua belah pihak adalah penting dalam mencari penyelesaian. Klien perlu bersifat terbuka supaya matlamat yang ingin dicapai dapat direalisasikan, ini kerana penglibatan dari pihak klien biasanya menuntut klien membuat sesuatu perubahan dari segi sikap dan tindakan yang perlu diubah.

Pendekatan Teori Terhadap Pencapaian Akademik Yang Rendah

Ahli-ahli psikologi telah cuba menjelaskan mengapa pelajar tidak mempunyai pencapaian akademik yang diharapkan atau mengapa pelajar tidak bermotivasi untuk memperbaikinya (Yahya Mahamood, 1996).

Teori kognitif

Teori kognitif menekankan tentang pentingnya perasaan, sifat dan jangkaan dalam mengerakkan seseorang untuk bergerak balas. Teori ini mengandaikan dorongan dalaman dan luaran boleh memotivasikan individu untuk bertingkah laku. Walau bagaimanapun, dorongan dalaman tidak semata-mata didesak oleh keperluan biologi tetapi bergerak balas kerana dimotivasikan oleh rangsangan-rangsangan persekitarannya terutama sekali yang membawa kepada pencapaian sesuatu yang menguntungkan dirinya. Individu biasanya mengenal nilai persekitaran berbeza-beza. Ada berbagai-bagai insentif yang mendorong manusia untuk mencapai matlamatnya. Pelajar didorong untuk belajar bersungguh-sungguh kerana motivasi diri (sifat dalaman) atau sesuatu yang menarik daripada ilmu tersebut (persekitaran). Ini bermakna individu yang mengaitkan kejayaannya dengan kebolehan dan usaha yang gigih akan bekerja lebih keras daripada mereka yang bersandarkan kepada nasib semata-mata.

Teori persepsi

Teori ini mengandaikan persepsi seorang memainkan peranan penting dalam menentukan tindakan seseorang. Contohnya, interpretasi seseorang terhadap lukisan abstrak berbeza dengan interpretasi orang lain. Seorang pelajar akan menjadi tidak bermotivasi jika stres yang dihadapi diinterpretasikan sebagai berkonotasi negatif.

Penyediaan program kaunseling dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar yang rendah. Program kaunseling yang sistematik boleh dilaksanakan bagi menarik minat para pelajar mendekati kaunselor untuk mendapat pandangan supaya pelajar dapat membuat perubahan dalam proses pembelajaran mereka. Tindakan pelajar berjumpa dengan kaunselor adalah untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapinya dalam proses pembelajaran supaya dapat meningkat prestasi pencapaian dalam akademik. Pelajar yang mempunyai motivasi seperti ini akan dapat mengubah proses pembelajaran sehingga pencapaian akademik pelajar meningkat. Semasa sesi kaunseling, kaunselor bersama-sama klien dapat mengenalpasti punca pencapaian akademik yang rendah dan bersama-sama berbincang cara yang paling berkesan untuk dilaksanakan supaya masalah yang menjadi punca pencapaian akademik pelajar dapat diatasi. Saranan yang telah dipersetujui bersama oleh klien dan kaunselor biasanya memerlukan perubahan tindakbalas yang perlu dilakukan oleh klien sendiri. Definisi kaunseling sendiri ada menyebutkan bahawa kaunseling merupakan perubahan tingkah laku klien. Oleh yang demikian, kerjasama kedua belah pihak adalah penting dalam mencari penyelesaian. Klien perlu bersifat terbuka supaya matlamat yang ingin dicapai dapat direalisasikan, ini kerana penglibatan dari pihak klien biasanya menuntut klien membuat sesuatu perubahan dari segi sikap dan tindakan yang perlu diubah.

Pendekatan Teori Terhadap Pencapaian Akademik Yang Rendah

Ahli-ahli psikologi telah cuba menjelaskan mengapa pelajar tidak mempunyai pencapaian akademik yang diharapkan atau mengapa pelajar tidak bermotivasi untuk memperbaikinya (Yahya Mahamood, 1996).

Teori kognitif

Teori kognitif menekankan tentang pentingnya perasaan, sifat dan jangkaan dalam mengerakkan seseorang untuk bergerak balas. Teori ini mengandaikan dorongan dalaman dan luaran boleh memotivasikan individu untuk bertingkah laku. Walau bagaimanapun, dorongan dalaman tidak semata-mata didesak oleh keperluan biologi tetapi bergerak balas kerana dimotivasikan oleh rangsangan-rangsangan persekitarannya terutama sekali yang membawa kepada pencapaian sesuatu yang menguntungkan dirinya. Individu biasanya mengenal nilai persekitaran berbeza-beza. Ada berbagai-bagai insentif yang mendorong manusia untuk mencapai matlamatnya. Pelajar didorong untuk belajar bersungguh-sungguh kerana motivasi diri (sifat dalaman) atau sesuatu yang menarik daripada ilmu tersebut (persekitaran). Ini bermakna individu yang mengaitkan kejayaannya dengan kebolehan dan usaha yang gigih akan bekerja lebih keras daripada mereka yang bersandarkan kepada nasib semata-mata.

Teori persepsi

Teori ini mengandaikan persepsi seorang memainkan peranan penting dalam menentukan tindakan seseorang. Contohnya, interpretasi seseorang terhadap lukisan abstrak berbeza dengan interpretasi orang lain. Seorang pelajar akan menjadi tidak bermotivasi jika stres yang dihadapi diinterpretasikan sebagai berkonotasi negatif.

kaunseling kelompok boleh dianggap sebagai satu proses penyesuaian yang rutin atau satu kumpulan yang menyediakan pengalaman perkembangan diri ahli. Fokus kaunseling kelompok ialah menolong peserta menghadapi masalah penyesuaian dan perkembangan diri sehari-hari. Kaunseling kelompok ialah satu proses yang menghubungkan individu kumpulan secara dinamik tentang tingkahlaku dan pemikiran yang timbul yang melibatkan proses memperakui kenyataan, meluahkan perasaan, saling percaya mempercayai, mengambil berat, penerimaan dan sokongan.

Bimbingan kelompok menawarkan kaunselor peluang untuk bekerja dengan kumpulan pelajar yang lebih besar pada satu waktu (Rita, 1993), melibatkan pencegahan, bersifat proaktif, melaksanakan penyelidikan dalam usaha menyediakan kaunselor dengan maklumat berkaitan dengan program kaunseling. Kajian terkini menunjukkan kelompok n bimbingan mempunyai kesan positif ke atas pencapaian akademik. (Gerler & Andersen, 1986).

Jenis-Jenis Pendekatan Kaunseling

Terdapat 4 jenis pendekatan kaunseling yang sering dibincangkan dan boleh digunakan dalam mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar. Pendekatan tersebut adalah pendekatan pemulihan, pencegahan, perkembangan dan pendekatan krisis. Pendekatan krisis mengendalikan kes krisis yang timbul secara mendadak dan memerlukan perhatian serta tindakan daripada kaunselor dan pihak atasan, Kaunselor juga boleh bertindak sebagai orang tengah atau perunding bagi mengatasi krisis yang berlaku antara dua pihak yang terlibat. Pendekatan pemulihan pula memberi fokus kepada kekurangan yang dapat dikenalpasti dari masa kesemasa. Ia juga dijalankan dengan harapan dapat mengubah tingkah laku terhadap masalah yang dialami. Pendekatan Pencegahan berdasarkan persepsi bahawa satu-satu masalah itu mungkin timbul dan sebelum ia sampai ke tahap krisis usaha dijalankan untuk menghalangnya. Konsep utama dalam pendekatan ini ialah "mencegah lebih baik daripada mengubatinya". Contoh pendekatan kaunseling berbentuk pencegahan ialah kemotivasi, seminar kecemerlangan akademik, persatuan Pembimbing Rakan Sebaya. Pendekatan perkembangan adalah satu usaha untuk mengenal pasti kebolehan dan keperluan pelajar pelajar. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan kurikulum dan ko-kurikulum diberikan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali diri mereka dan berkembang. Teknik-teknik kemahiran belajar seperti pengurusan masa, pengurusan stres, kemahiran mengambil nota adalah antara contoh pendekatan perkembangan.

Modul Bimbingan kelompok Kejayaan Dalam Bilik Kuliah.

Dalam menangani masalah pencapaian akademik pelajar, satu modul bimbingan kelompok yang telah diubahsuai dari Gerler & Anderson (1993) boleh digunakan. Modul ini boleh dilakukan dalam kelas/kuliah dalam bentuk bimbingan oleh kaunselor dan ia mempunyai sembilan tahap. Antara ciri-ciri modul ini ialah setiap pelajar diminta mengulas kembali apa yang telah dipelajari pada kelas sebelumnya. Ia juga mengandungi kemahiran seperti mendengar, bertanya soalan, membina hubungan dan berbagai lain.

kaunseling kelompok boleh dianggap sebagai satu proses penyesuaian yang rutin atau satu kumpulan yang menyediakan pengalaman perkembangan diri ahli. Fokus kaunseling kelompok ialah menolong peserta menghadapi masalah penyesuaian dan perkembangan diri sehari-hari. Kaunseling kelompok ialah satu proses yang menghubungkan individu kumpulan secara dinamik tentang tingkahlaku dan pemikiran yang timbul yang melibatkan proses memperakui kenyataan, meluahkan perasaan, saling percaya mempercayai, mengambil berat, penerimaan dan sokongan.

Bimbingan kelompok menawarkan kaunselor peluang untuk bekerja dengan kumpulan pelajar yang lebih besar pada satu waktu (Rita, 1993), melibatkan pencegahan, bersifat proaktif, melaksanakan penyelidikan dalam usaha menyediakan kaunselor dengan maklumat berkaitan dengan program kaunseling. Kajian terkini menunjukkan kelompok n bimbingan mempunyai kesan positif ke atas pencapaian akademik. (Gerler & Andersen, 1986).

Jenis-Jenis Pendekatan Kaunseling

Terdapat 4 jenis pendekatan kaunseling yang sering dibincangkan dan boleh digunakan dalam mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar. Pendekatan tersebut adalah pendekatan pemulihan, pencegahan, perkembangan dan pendekatan krisis. Pendekatan krisis mengendalikan kes krisis yang timbul secara mendadak dan memerlukan perhatian serta tindakan daripada kaunselor dan pihak atasan, Kaunselor juga boleh bertindak sebagai orang tengah atau perunding bagi mengatasi krisis yang berlaku antara dua pihak yang terlibat. Pendekatan pemulihan pula memberi fokus kepada kekurangan yang dapat dikenalpasti dari masa kesemasa. Ia juga dijalankan dengan harapan dapat mengubah tingkah laku terhadap masalah yang dialami. Pendekatan Pencegahan berdasarkan persepsi bahawa satu-satu masalah itu mungkin timbul dan sebelum ia sampai ke tahap krisis usaha dijalankan untuk menghalangnya. Konsep utama dalam pendekatan ini ialah "mencegah lebih baik daripada mengubatinya". Contoh pendekatan kaunseling berbentuk pencegahan ialah kemotivasi, seminar kecemerlangan akademik, persatuan Pembimbing Rakan Sebaya. Pendekatan perkembangan adalah satu usaha untuk mengenal pasti kebolehan dan keperluan pelajar pelajar. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan kurikulum dan ko-kurikulum diberikan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali diri mereka dan berkembang. Teknik-teknik kemahiran belajar seperti pengurusan masa, pengurusan stres, kemahiran mengambil nota adalah antara contoh pendekatan perkembangan.

Modul Bimbingan kelompok Kejayaan Dalam Bilik Kuliah.

Dalam menangani masalah pencapaian akademik pelajar, satu modul bimbingan kelompok yang telah diubahsuai dari Gerler & Anderson (1993) boleh digunakan. Modul ini boleh dilakukan dalam kelas/kuliah dalam bentuk bimbingan oleh kaunselor dan ia mempunyai sembilan tahap. Antara ciri-ciri modul ini ialah setiap pelajar diminta menuliskan kembali apa yang telah dipelajari pada kelas sebelumnya. Ia juga mengandungi kemahiran seperti mendengar, bertanya soalan, membina hubungan dan berbagai lain.

Menanam sifat bertanggungjawab

Tahap ini menanamkan rasa bertanggungjawab setiap ahli terhadap institusi di mana mereka belajar. Perbincangan kumpulan membantu pelajar mempersonalisasikan tanggungjawab dan memahami apakah yang dimaksudkan dengan tanggungjawab. Matlamat utama ialah pelajar mengalami perasaan positif terhadap institusi mereka.

Tahap 3

Kemahiran mendengar.

Kemahiran mendengar penting sekiranya ahli ingin memperbaiki pencapaian akademik mereka. Pelajar yang dapat mendengar dengan baik semasa kuliah dijalankan akan dapat memahami apa yang diajar dengan lebih baik. Oleh itu, kemahiran mendengar amat dititikberatkan pada tahap ini.

Tahap 4

Kemahiran Bertanya soalan

Tahap ini menekankan konsep kepentingan pelajar mendengar dengan baik dan bertanya di dalam kelas. Fasilitator menekankan pentingnya ahli bertanya semasa kelas dijalankan dan tiada soalan yang bodoh. Main peranan dilakukan pada tahap ini. Pelajar melakukan aktiviti bertanya soalan.

Tahap 5

Melihat kekuatan dan kelemahan diri

Peringkat ini membantu pelajar melihat secara objektif kekuatan dan kelemahan diri mereka. Mereka perlu memfokus kepada kekuatan diri dan jadikan kekuatan diri sebagai salah satu asas meningkatkan pencapaian akademik yang lebih baik. Setiap individu mempunyai kekuatan diri yang boleh dibanggakan manakala kelemahan diri tidak perlu difokuskan.

Tahap 6

Bekerjasama dengan rakan

Pelajar didedahkan kepentingan mempunyai rakan dan saling Bantu membantu. Strategi pembelajaran secara bekerjasama dicadangkan. Kerjasama akan lebih mendatangkan kebaikan daripada pertandingan.

Tahap 7

Kerjasama Pensyarah Dengan Pelajar

Tahap ini melihat kerjasama antara pensyarah dengan pelajar. Pelajar mengetahui kerjasama antara pensyarah dengan pelajar dan juga usaha yang bersungguh adalah

Menanam sifat bertanggungjawab

Tahap ini menanamkan rasa bertanggungjawab setiap ahli terhadap institusi di mana mereka belajar. Perbincangan kumpulan membantu pelajar mempersonalisasikan tanggungjawab dan memahami apakah yang dimaksudkan dengan tanggungjawab. Matlamat utama ialah pelajar mengalami perasaan positif terhadap institusi mereka.

Tahap 3

Kemahiran mendengar.

Kemahiran mendengar penting sekiranya ahli ingin memperbaiki pencapaian akademik mereka. Pelajar yang dapat mendengar dengan baik semasa kuliah dijalankan akan dapat memahami apa yang diajar dengan lebih baik. Oleh itu, kemahiran mendengar amat dititikberatkan pada tahap ini.

Tahap 4

Kemahiran Bertanya soalan

Tahap ini menekankan konsep kepentingan pelajar mendengar dengan baik dan bertanya di dalam kelas. Fasilitator menekankan pentingnya ahli bertanya semasa kelas dijalankan dan tiada soalan yang bodoh. Main peranan dilakukan pada tahap ini. Pelajar melakukan aktiviti bertanya soalan.

Tahap 5

Melihat kekuatan dan kelemahan diri

Peringkat ini membantu pelajar melihat secara objektif kekuatan dan kelemahan diri mereka. Mereka perlu memfokus kepada kekuatan diri dan jadikan kekuatan diri sebagai salah satu asas meningkatkan pencapaian akademik yang lebih baik. Setiap individu mempunyai kekuatan diri yang boleh dibanggakan manakala kelemahan diri tidak perlu difokuskan.

Tahap 6

Bekerjasama dengan rakan

Pelajar didedahkan kepentingan mempunyai rakan dan saling Bantu membantu. Strategi pembelajaran secara bekerjasama dicadangkan. Kerjasama akan lebih mendatangkan kebaikan daripada pertandingan.

Tahap 7

Kerjasama Pensyarah Dengan Pelajar

Tahap ini melihat kerjasama antara pensyarah dengan pelajar. Pelajar mengetahui kerjasama antara pensyarah dengan pelajar dan juga usaha yang bersungguh adalah

Rujukan

- Abdul Hamid Kamarudin (1994). Perkhidmatan Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi: Isu dan Masalah. *Jurnal PERKAMA*. Bil 5, 129-147
- Arbuckle (1970). *Counselling, Philosophy, Theory And Practice*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Boy dan Pine (1962). *Client-Centered Counseling In Secondary Schools*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Chua Mooi Kim (1994). Persekitaran Keluarga. Hubungannya Dengan Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Pelajar. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Caroll, M.R. (1985). Critical issues in group work in education: Now and 2001. *Journal for Specialists in Group Work*, 10, 98-102.
- Cellota, B., & Jacobs, G (1982). Children's needs: Implication for guidance programs in the 1980s. *The School Counselor*, 30, 50-56.
- Gerler, E.R., & Anderson, R.F. (1986). The effects of classroom guidance on success in school. *Journal of Counseling and Development*, 65, 78-81.
- Good, C.V (1945). *Community And Agency Counseling*. Colimbus, Ohio: Prentice Hall.
- Gysber, N.C & Lapan, R.T (1994). The making of a comprehensive plan. *Vocational Educational Journal*, 69, 34-36.
- Hayati Mohamad (1998). Hubungan antara sokongan sosial dengan penghargaan sendiri dan pengaruhnya terhadap pencapaian akadmeik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jas ~~1~~ Suzanna=Jaafar (1996). ~~Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak Dan Remaja~~. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lee, R.S (1994). Effects of classroom guidance on student achievement. *Elementary School Guidance & Counselling*. Vol. 27 (3), 163-171.

Rujukan

- Abdul Hamid Kamarudin (1994). Perkhidmatan Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi: Isu dan Masalah. *Jurnal PERKAMA*. Bil 5, 129-147
- Arbuckle (1970). *Counselling, Philosophy, Theory And Practice*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Boy dan Pine (1962). *Client-Centered Counseling In Secondary Schools*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Chua Mooi Kim (1994). Persekitaran Keluarga. Hubungannya Dengan Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Pelajar. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Caroll, M.R. (1985). Critical issues in group work in education: Now and 2001. *Journal for Specialists in Group Work*, 10, 98-102.
- Cellota, B., & Jacobs, G (1982). Children's needs: Implication for guidance programs in the 1980s. *The School Counselor*, 30, 50-56.
- Gerler, E.R., & Anderson, R.F. (1986). The effects of classroom guidance on success in school. *Journal of Counseling and Development*, 65, 78-81.
- Good, C.V (1945). *Community And Agency Counseling*. Colimbus, Ohio: Prentice Hall.
- Gysber, N.C & Lapan, R.T (1994). The making of a comprehensive plan. *Vocational Educational Journal*, 69, 34-36.
- Hayati Mohamad (1998). Hubungan antara sokongan sosial dengan penghargaan sendiri dan pengaruhnya terhadap pencapaian akadmeik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jas Suzanna-Jaafar (1996). *Psikologi Perkembangan Anak Dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lee, R.S (1994). Effects of classroom guidance on student achievement. *Elementary School Guidance & Counselling*. Vol. 27 (3), 163-171.

WACANA NEGARABRUSAN KEPIMPINAN
PANDUAN UNTUK KO-KAUNSELOR

PEMIMPIN BERGIRI KAUNSELOR


Menangani Kegawatan Sosial



YAYASAN NURUL YAQEE

Penyunting
ABDULRAZAK
NOR ZANAHIL
MARI

ISBN 983-9420-01-1



9 789839 420012